



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENUTUPAN SEMENTARA PREMIS, KAUNTER PUSAT DAN PUSAT PANGGILAN UTAMA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM SELARAS DENGAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 FASA PERTAMA**

Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 28 Mei 2021 dan pengumuman oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 30 Mei 2021 mengenai **pelaksanaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari berkuat kuasa 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021.**

Sehubungan itu, bagi menyahut seruan Kerajaan untuk memutuskan rangkaian COVID-19, **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan menutup sementara premis, Kaunter Pusat dan Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600) bermula pada 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021 atau ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**

LPPSA akan beroperasi secara terhad sepanjang tempoh penutupan tersebut di mana semua kakitangan LPPSA akan Bekerja Dari Rumah (BDR). Justeru itu, LPPSA menjangkakan akan terdapat sedikit kelewatan dalam urusan berkaitan pembiayaan LPPSA:

- a) Khususnya melibatkan proses kerja yang tidak dapat dilaksanakan secara BDR; dan
- b) Penghantaran surat/ dokumen/ cek pembayaran secara pos/ kurier di dalam tempoh *lock down* ini.

Walau bagaimanapun, **perkhidmatan menerusi atas talian (*online*) masih boleh diakses seperti biasa. Semua pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA yang telah disediakan iaitu:**

- a) Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- b) Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- c) Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

LPPSA juga mendoakan keselamatan dan kesejahteraan semua rakyat Malaysia supaya sentiasa dilindungi daripada wabak COVID-19.

Sebarang kesulitan yang dihadapi sepanjang tempoh penutupan sementara ini adalah amat dikesali. Maklumat terkini mengenai operasi LPPSA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi LPPSA, [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my) dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

**31 MEI 2021**